

Suara hati seni halus Manila

BP UB 1.4.2018 B4



CATAN KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN MOHD ARUS

SETIBANYA di Lapangan Terbang Antarabangsa Ninoy Aquino, Manila pada pagi yang dikaburi jerebu, saya berasa terharu kerana kali terakhir saya berada di bumi Jose Rizal ini adalah pada tahun 1997. Ini bermakna selepas dua puluh tahun saya menjejakkan kaki ke bumi Filipina ini walaupun dekat sebagai negara tetangga namun perasaan yang berbagai-bagai bermain di benak saya.

Besar sungguh pengaruh media terhadap tanggapan kita. Ucapan *mabuhay, salamat po, magandang umaga po* menyambut kedatangan saya di pintu gerbang lapangan terbang yang tersergam dan serba moden ini.

Ia bukan lagi lapangan terbang dahulu ketika saya tinggalkan Manila. Ia sudah begitu maju dengan pembangunan infrastruktur sebuah bandaraya megapolis yang terbesar di Asia Tenggara.

Selama dua dekad masa berlalu, banyak peristiwa negatif dan juga positif dalam aspek pencapaian negara dan penduduknya membanggakan Filipina atau Pinoy menurut lingo Tagalog.

Semasa melalui lebuhraya dan lorong di celah bangunan menuju hotel di Metro Manila, sebuah kawasan lama yang terdapat banyak peninggalan sejarah zaman penjajah Sepanyol, Jepun dan Amerika menjadi pilihan penulis untuk menginap di Eurotel Pedro Gil kali ini.



PENULIS (tengah) bersama malim bandar Harold Marjuk.



Tujuan untuk meneroka ke tempat sejarah dan juga seni dan budaya menjadi keutamaan saya kerana di kawasan ini dipenuhi oleh kepentingan pelancong sejarah. Saya tinggal di kawasan yang agak sesak di mana terdapat banyak hotel dan supermarket seperti gedung Robinson, Ayala, Aristocrat, Mall Of Asia, Arena dan sebagainya.

Dalam kesesakan pelancong bergembira menikmati kehidupan serba mewah dan bersukaria dengan keseronokan dunia namun tidak menggambarkan keadaan yang sebenar seperti kata peninju Allahyarham Mohd Ali 'Thrilla in Manila'.

Mimpi serta fantasi keindahan di dalam hotel hanya terhenti dibendung oleh dinding bangunan kerana di luar sana kelihatan manusia yang kadang-kadang berkeluarga dan terpinggir, tiada kediaman dan tanpa pekerjaan tinggal di tepi jalan. Di situlah rumah mereka dengan terbuka. Anak-anak serta orang tua membuat kediaman di tepi kaki lima serta di bawah pokok, anak kecil bermain dan warga tua memenuhi lorong memintaminta.

Semasa perjalanan saya ke Metropolitan Museum of Manila yang terletak

di Teluk Manila tepi Lebuhraya Roxas saya menyaksikan setiap pokok yang berderetan di lebuhraya tersebut dihuni oleh mereka yang terpinggir dan tiada penempatan.

Rupanya tekaan penulis salah kerana nasib rakyat tempatan masih di takuk lama. Perubahan politik dan pemimpin tidak mendatangkan kesenangan di negara jolokan Mutiara Lautan Pasifik ini yang sepatutnya sudah maju kerana beberapa pemimpin silih berganti. Namun penduduk tempatan yang sepatutnya terbelah tidak mendapat pembelaan persis 'ayam dikepek mati kelaparan, itik di air mati kehausan'. Amat menyedihkan bagai satu mimpi ngeri dalam perjalanan hidup penulis di rantau ini.

Walaupun bagaimanapun tujuan penulis mengunjungi negara tetangga ini adalah untuk melihat sendiri perkembangan seni dan budayanya serta mengeratkan silaturahmi sahabat handai di sini.

Sejak dahulu lagi kita kagum dengan warga seniman negara Filipina berdasarkan sejarah seni visual mereka yang begitu lama. Ia berlaku sebelum kedatangan penjajah Eropah lagi, pengukir serta penenun



ELMER Borlongan (gambar atas) dan karyanya Kapit Bisig. Catan Minyak (gambar kiri).

etnik tempatan yang berbangsa Melayu sudah terkenal dengan kemahiran kesenian dan barangan kraf yang begitu halus dan tinggi mutu pembuatannya.

Begitu juga dari segi aspek seni visual kaum asal di kepulauan ini sudah mempunyai tradisi ragam hias serta ukiran patung kayu dan batu ribuan tahun sebelum mereka dilanggar oleh penjajah yang kegilaan rempah ratus alam Nusantara.

Kedatangan penjajah menambah serta mengukuhkan lagi budaya seni visual mereka kerana penjajah Sepanyol menyebarkan agama Kristian melalui seni visual sama ada lukisan, arca dan seni bina mereka. Sejarah seni visual Filipina bermula pada abad ketujuh belas apabila pelukis anak tempatan telah dihantar belajar ke Sepanyol untuk memantapkan lagi kemahiran mereka dalam seni lukis serta mencedok ilmu dari budaya tradisi pelukis Sepanyol seperti El Greco, Diego Velazquez dan Francisco Goya.

Pendidikan formal tersebut bertujuan untuk berdakwah melalui seni lukis kepada masyarakat tempatan yang rata-rata buta huruf pada ketika itu. Pelukis tempatan yang terkenal seperti Juan Luna, Amarsolo, Edades, Napoleon Abueva, Jose Joya dan sebagainya berkarya dengan idiom tempatan namun konsepsi, gaya dan teknik masih kuat kepada pengaruh Sepanyol dan Renaisans hingga ke hari ini.

Sejarah yang lama serta pengaruh yang berbagai-bagai memantapkan seni dan budaya sesuatu masyarakat begitu juga seniman di Filipina. Saya dapat menyaksikan budaya seni yang terdapat di setiap kawasan kerana budaya serta kepercayaan mereka yang kuat kepada imaginasi.

Di setiap ceruk dan sudut sama ada terbuka atau tertutup terdapat seni yang sungguh mengagumkan dari seni grafiti, seni doodle, contengan semberono oleh anak jalanan yang banyak menghiasi dinding serta tembok kepada arca, lukisan dan mural di setiap lorong dan bangunan seni memainkan peranan yang berpengaruh terhadap wawasan masyarakat setempat.

Penindasan, peminggiran dan juga kemiskinan yang melampau menggalakkan masyarakat tempatan menyuarakan protes serta luahan hati mereka kepada khalayak dan juga



SKESTA di Manila.

pemerintah hanya melalui seni halus.

Saya berpeluang bertemu dengan sahabat dan kenalan di Manila, seorang peniaga serta pendakwah berasal dari kepulauan Tawi Tawi dan kini menetap di Manila selama tiga puluh tahun. Beliau menjadi malim kota kepada penulis selama berada di kota metro ini. Bersamanya penulis menyusuri ke beberapa tempat menarik di samping berpeluang menaiki Jeepney iaitu kenderaan rasmi di Manila peninggalan penjajah Amerika, beca bermotor, MRT dan LRT.

Kami memasuki gedung terbesar di Manila seperti Arena dan Mall of Asia. Melalui setiap jalan dan lorong pintas bermacam-macam jenis dan rupa membuatkan saya penuh insaf dan bersyukur atas kurnia Allah kepada kita di Malaysia.

Pada hari kedua dan seterusnya kami dilayan dan diiringi oleh keluarga Harold Marjuk menyelusuri pasar terbuka masyarakat tempatan di Baclaran, satu ruang perniagaan terbuka yang terbesar pernah saya saksikan.

Di sini bermacam-macam jenis produk diniagakan dari pagi hingga ke malam hari, lebih besar Chak Kun Cak di Bangkok dan Beth Than di Ho Chi Min City. Kami menaiki LRT serta menggunakan Jeepney pergi dan balik ke tempat yang mana sahaja hendak dituju. Pendek kata, pengangkutan jalan walaupun sesak namun atas toleransi serta kerjasama penduduk dan pengguna jalan raya sentiasa menjadi selesa dan senang dilalui.

Harold juga memperkenalkan penulis pusat membeli belah yang



PENULIS ketika menaiki Jeepney.

kebanyakan peniagaannya adalah masyarakat Islam yang menjual berbagai dagangan cenderahati termasuk pakaian dan barang kemas. Di Kompleks Green Hill, penulis dapat solat berjemaah di masjid Green Hill. Boleh dikatakan setiap kompleks membeli belah dan Mall kebanyakannya tersangat besar jika dibandingkan dengan negara kita.

Berkemungkinan ruang yang luas perlu menampung pengunjung yang ramai kerana penduduk bandaraya Manila ini hampir 12.3 juta pada banci tahun 2016. Di sini juga terdapat makanan halal serta makanan Arab seperti shwarma, biryani dan sebagainya kerana terdapat penempatan masyarakat Islam yang terbesar di kawasan itu.

Penulis juga berjaya dan berasa bertuah dapat melawat pameran lukisan solo oleh pelukis tempatan Elmer Borlongan bertemakan 'An Extraordinary Eye for the Ordinary' atau pemandangan yang luar biasa untuk yang biasa. Elmer Borlongan seorang pelukis muda yang terkenal di Filipina dan juga di pentas seni antarabangsa.

Berpendidikan di School of Art, University of Philippines. Walaupun dari keluarga berada, ibu seorang saintis dan bapa seorang pakar kimia namun mereka menggalakkan anak mereka menceburi bidang seni lukis secara serius.

Elmer Borlongan pada mulanya mendapat bimbingan dari pelukis tersohor Fernando Pena namun di universiti beliau berjaya membentuk dirinya sebagai seorang pelukis yang berwibawa dari

aspek kemahiran dan juga konsepsi dan pemikiran yang cenderung kepada masyarakat gelandangan, marhaen dan separa-proletariat yang tergambar di dalam kebanyakan karyanya.

Salah sebuah karya beliau yang menjadi tarikan dalam pameran yang terdapat di Metropolitan Museum of Art Manila, berdekatan Roxas Boulevard adalah bertajuk *Kapit Bisig*, sebuah karya bertemakan penolakan politik wang serta rasuah politik. Sebuah lukisan menunjukkan figura berkait tangan membentuk rantaian manusia sehingga membentuk bulatan sedangkan mereka menghadap kepada musuh politik halimunan. Karya tersebut menggambarkan penolakan rakyat kepada anasir politik yang tidak bermaruah.

Terdapat 150 buah lukisan semuanya dalam pameran retrospektif itu. Sebagai pelukis marhaen yang menikmati kejayaan di peringkat antarabangsa, Elmer berhasrat agar dapat memasyarakatkan karya beliau melalui mural serta karya yang berbentuk global agar dapat dinikmati dan menjadi perangsang kepada masyarakat yang tertindas serta terbiar. Pemandangan lumrah yang begitu meluas kini bukan sahaja di Manila bandar jolokan *Pearl of The Orient* itu, malah keadaan tenat seperti itu menjalar dengan cepatnya di bandaraya negara-negara Asean.

*****PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).*****